

Staf Sains dapat gaji baharu

Selepas lima tahun tiada sebarang pelarasan dibuat, akhirnya mereka mendapat khabar gembira

HAMIZAH BASIR

SEREMBAN - Khabar gembira buat 1,050 kakitangan Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) apabila mereka menerima pelarasan dan kenaikan gaji bermula Januari lalu.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, pihaknya bersetuju membuat menetapkan gaji baharu selepas lima tahun tiada pelarasan dibuat.

"Setiap kakitangan Sains menerima pelarasan gaji sebanyak RM200 dan kenaikan gaji sebanyak empat peratus. Ini bermaksud kalau gaji mereka RM1,000, dia akan menerima gaji baru RM1,240," katanya.

Beliau yang juga Menteri Besar turut berharap kakitangan Sains dapat meningkatkan prestasi kerja selaras ke-

naikan tersebut.

"Kepada yang jaga harta Sains itu, jaga elok-elok supaya tidak diceroboh. Yang jaga penyelenggaraan, buat kerja baik-baik.

"Saya berharap Sains akan terus maju dan kakitangan kerja kuat. Jadilah satu anggota syarikat yang mempunyai kebersaksamaan, jangan sesekali berpecah-belah," katanya dalam ucapan pada Majlis Hi-Tea Sains bersama Menteri Besar di Klana Resort, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Sains, Wan Rasdi Wan Ismail dan Pengurus Besar Sains, Zulkifli Ibrahim.

Sementara itu, Mohamad berkata, kedudukan kewangan Sains kini semakin kukuh, malah dilihat mampu mempunyai bangunan sendiri.

"Saya lihat keadaan kewangan dan kemampuan



Mohamad (tengah) bersama pegawai dan kakitangan Sains pada Majlis Hi-Tea Sains bersama Menteri Besar di Klana Resort, semalam.

yang ada, Sains boleh beli bangunan diduduki sekarang supaya memberi kelapangan kepada semua.

"Belilah bangunan ini dari beli tempat lain, tempat sesuai dan *parking* pun senang. Saya dah bagi kelulusan

untuk beli bangunan ini kerana saya nampak kedudukan kewangan Sains mampu," katanya.

Mohamad juga berkata, beliau tidak berhasrat untuk menjadikan Sains sebagai sebuah syarikat yang diapung

dalam bursa saham.

"Cukuplah kita memberi servis kepada orang ramai. Sains kena buat kerja elok-elok, kalau paip pecah cepat-cepat betulkan, jangan sampai dua hari baru betul, nanti orang marah.

"Sains juga jangan terlalu bergantung kepada pihak luar untuk perbetulkan keadaan. Sepatutnya kena ada satu pasukan yang boleh perbetulkan keadaan untuk kurangkan kerugian air dan paip yang pecah," katanya.